

NO. SOALAN: 107

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 19 MEI 2016

RUJUKAN : 9011

SOALAN:

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jika kementerian sudah mengenalpasti dan membatalkan 200,000 sijil lahir lewat dan 600,000 Kad-Kad Pengenalan yang dikeluarkan kepada pendatang daripada Filipina dan Indonesia sepertimana yang telah diakui oleh seorang Kerani JPN bernama Kee Dzulkifli Bin Kee Abdul Jalil (saksi W12) di RCI Sabah) yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dakwaan oleh salah seorang saksi dalam prosiding Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah iaitu Kee Dzulkifli Bin Kee Abdul Jalil yang menyebut bahawa Kerajaan telah mengeluarkan 200,000 Sijil Pendaftaran Lewat Kelahiran dan 600,000 kad-kad pengenalan kepada Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dari negara Filipina dan Indonesia merupakan dakwaan yang tidak benar. Perlu dimaklumkan juga bahawa Suruhanjaya Siasatan dalam laporannya tidak ada menentu sahkan angka dan juga dakwaan ini.

Walau bagaimanapun, bagi pengeluaran Kad Pengenalan Warganegara (MyKad) yang didapati telah dikeluarkan secara tidak teratur oleh sindiket, Suruhanjaya Siasatan mendapati tindakan mereka adalah bermotifkan kewangan. Dalam hal ini, seramai 94 orang telah pun ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) di antara tahun 1995 sehingga 1998 yang mana 23 orang daripadanya adalah pegawai dan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) termasuklah Kee Dzulkifli Bin Kee Abdul Jalil. Kesemua kakitangan JPN yang terbabit telah diambil tindakan buang kerja. JPN juga melalui sebuah Jawatankuasa Khas Kad Pengenalan telah pun menjalankan siasatan terhadap kad-kad pengenalan yang terbabit dan semenjak Jawatankuasa tersebut ditubuhkan pada tahun 1999 sehingga kini, sebanyak 28,510 rekod telah dibatalkan dan tidak dikeluarkan dengan kad pengenalan baru.